

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan ini merupakan kertas kerja kursus dan mengandungi dua bahagian yang meliputi sembilan soalan. Calon diminta memilih dan menjawab hanya satu soalan sahaja dalam jangka masa lebih kurang tujuh bulan. Jawapan calon hendaklah dihasilkan mengikut kehendak soalan; iaitu sebuah folio yang mengandungi 7 atau 8 bahagian dan sebuah artifak berbentuk 2D atau 3D. Terdapat 7 soalan yang memerlukan 8 bahagian folio dan 1 soalan yang memerlukan 7 bahagian sahaja. Calon dikehendaki memasukkan semua bukti kajian yang dibuat di atas kertas lukisan berukuran 28cm x 38cm ke dalam satu folio berukuran 40cm x 30cm, dibuat daripada kad manila yang mengandungi 2 poket, setiap poket berukuran 40cm x 27cm dan dilabel mengikut arahan kepada calon. Folio dan artifak hendaklah disahkan oleh **Pengetua** dan **Guru Kanan Pendidikan Seni Visual**.

PRESTASI KESELURUHAN

Folio

Calon dapat menjawab kesemua bahagian dalam folio mengikut bahagian yang diberi. Calon juga melakar mengikut urutan langkah susunan secara teratur dan berwarna. Ada sebahagian sahaja calon yang tidak menuliskan tajuk bahagian dalam folio. Sebahagian besar calon menuliskan nota ringkas ke dalam tulisan manuskrip tetapi masih ada juga calon yang tidak berbuat demikian. Secara keseluruhan calon menghasilkan lebih daripada jumlah helaian lakaran yang diperlukan.

Artifak

Calon cemerlang dapat menghasilkan kerja kursus yang kemas, teliti dan kukuh. Walaubagaimanapun, hasilan calon masih ditahap sederhana baik dan dapat mengikut spesifikasi soalan. Calon juga berjaya menghasilkan artifak yang kreatif serta berinovasi contohnya calon dapat mengaplikasikan jenis bahan dan media yang berbeza.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon memahami arahan dan kehendak soalan. Calon dapat menghasilkan folio secara berurutan mengikut item. Malahan calon boleh mengaplikasikan unsur seni yang dikehendaki oleh soalan. Calon juga boleh menghasilkan artifak mengikut spesifikasi yang tepat contohnya dalam penghasilan pembungkusan, tembikar dan batik. Penguasaan teknik sangat baik. Calon dapat mengaplikasikan kekemasan dari segi saiz warna, ketepatan ukuran, mesra alam dan mempunyai nilai estetika. Selain itu artifak yang dihasilkan diadun dengan pelbagai bahan sebagai hiasan contohnya, batik, tenunan dan rekabentuk landskap. Pada keseluruhannya calon dapat mengaplikasikan unsur seni dalam folio dan artifak.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat memahami arahan dan kehendak soalan. Calon tidak kreatif dalam penghasilan artifak. Hanya terdapat kesalahan kecil serta format dalam folio.

Calon dapat menghasilkan artifak yang berimbang dari segi struktur contohnya arca dan senireka landskap.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Dalam penghasilan folio pula calon kurang penekanannya dalam olahan motif, reka letak warna dan juga koleksi secara kreatif. Penghasilan artifak pula, penggunaan ruang pada bahan, hiasan dan corak yang terlalu padat dan tidak mempelbagaikan teknik, bahan dan media contohnya senireka landskap, arca dan ukiran kayu. Calon tidak menguasai penulisan manuskrip dalam folio.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

ANYAMAN

Calon diminta menghasilkan satu bekas tertutup daripada anyaman rotan atau buluh menggunakan teknik silang satu. Anyaman hendaklah menggunakan rotan atau buluh yang berwarna. Reka bentuk hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang	:	20cm
Lebar	:	20cm
Tinggi	:	15cm
Bilangan warna	:	2

Folio

Prestasi calon dalam menjawab bahagian folio anyaman adalah:-

Calon cemerlang menghasilkan bahagian sumber ilham, dengan melukiskan pelbagai corak anyaman silang satu dalam ukuran petak kecil. Kajian reka letak hiasan pula, calon mengolah motif dan mewarnakan secara berasingan. Calon dapat mengaplikasi asas seni reka dengan baik. Alatan dan bahan pula calon dapat melukiskan secara ringkas dan terdapat juga calon yang tidak menuliskan nama alat dan bahan yang digunakan kedalam tulisan manuskrip. Bagi calon lemah, bahagian reka letak dan susunan pula calon hanya membuat ulangan dan warna yang berbeza. Calon hanya berupaya melukiskan hasil dalam bentuk 2D secara ringkas. Kebanyakan calon tidak menyusun tajuk mengikut urutan yang sepatutnya. Calon dapat menghasilkan folio secara tersusun dan lengkap. Calon tidak dapat memahami dan tidak dapat mengaplikasi asas seni reka. Calon tidak menghasilkan folio mengikut urutan. Calon juga tidak dapat membuat ukuran sepatutnya. Calon melakarkan sumber ilham yang sama dengan calon lain. Calon tidak membezakan antara satu bahagian dengan satu bahagian yang lain. Calon biasanya tertinggal satu atau dua bahagian dalam folio. Calon hanya berupaya melukiskan hasil dalam bentuk 2D secara ringkas. Pada keseluruhannya, calon terlupa untuk melukiskan semula hasil sebenar ke dalam bentuk 3D.

Artifak

Prestasi calon dalam menjawab bahagian artifak pula adalah:-

Calon cemerlang dapat menganyam dengan baik menggunakan bahan seperti rotan, buluh dan mengkuang dengan teknik silang satu. Calon juga dapat menghasilkan anyaman mengikut arahan soalan yang diberi. Calon dapat mempelbagaikan jenis bahan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menghasilkan anyaman yang sama rapat dan sama longgar serta mempunyai ukuran yang tidak dapat diperbaiki lagi. Dari segi penggunaan bahan pula calon hanya menggunakan bahan seperti riben, tali dan plastik untuk menggantikan bahan asli. Calon melakarkan sumber ilham yang sama dengan calon lain. Calon tidak membezakan antara satu bahagian dengan satu bahagian yang lain. Calon juga tidak menghantar artifak secara selamat.

Soalan 2

TENUNAN

Calon diminta menghasilkan satu tenunan untuk dijadikan hiasan dinding bertemakan kontra, calon menggunakan bahan yang sesuai untuk menghasilkan tenunan.

Tenunan anda hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang : 60cm

Lebar : 30cm

Tenunan hendaklah dilengkapi dengan kayu pada bahagian atas atau dibingkai

Folio

Prestasi calon dalam menjawab bahagian folio tenunan adalah:-

Dalam bahagian sumber ilham, calon menunjukkan hasilan yang menggunakan pelbagai elemen subjek kontra seperti bentuk dan rupa. Kajian reka letak hiasan pula, calon mengaplikasikan olahan motif yang sederhana tetapi kreatif. Alatan dan bahan pula, objek dilukis menyerupai objek sebenar tetapi tidak menulis dengan tulisan manuskrip. Dalam bahagian reka letak dan susunan pula calon cemerlang dapat mengolah asas seni reka dengan baik. Calon hanya berupaya melukiskan hasilan dalam bentuk 2D secara ringkas. Pada keseluruhannya, calon melukiskan semula hasilan yang ditampal. Kebanyakan calon tidak menyusun tajuk mengikut urutan yang sepatutnya. Calon gagal menyediakan lakaran yang secukupnya dalam lapan bahagian folio. Kebanyakan lakaran sumber ilham, tidak menepati kehendak soalan. Calon tidak menggunakan pigmen berwarna untuk folio. Calon gagal dalam mengapikasi unsur seni dalam proses lakaran.

Artifak

Prestasi calon dalam menjawab bahagian artifak pula adalah:-

Calon cemerlang dapat menenun dengan baik menggunakan pelbagai jenis benang. Calon juga dapat menghasilkan tenunan mengikut arahan soalan yang diberi. Terdapat juga calon menenun secara tidak konsisten. Ada juga calon yang tidak dapat menghasilkan tenunan yang sama lurus ditepinya. Calon memahami kehendak soalan untuk menghasilkan tenunan hiasan dinding menggunakan bahan yang sesuai. Kebanyakan calon berupaya menghasilkan tenunan yang berwarna kontra. Calon dapat menenun

dengan menggunakan pelbagai jenis benang yang terdapat dipersekitaran. Calon berupaya menenun dengan menggunakan 'kek' tenunan tangan dan dapat mengawal tenunan daripada mengerut di tengah. Pada keseluruhannya, kesilapan umum yang calon biasa lakukan ialah tidak menguasai asas seni reka. Calon tidak menuliskan tajuk bahagian dalam folio. Berlaku juga pertindihan sub bahagian dalam folio contohnya olahan motif dan pilihan motif. Kesalahan mengenalpasti bahagian yang tertinggal.

Soalan 3

TEMBIKAR

Calon diminta menghasilkan empat gabungan kepingan timbulan (relief) yang boleh dicantumkan untuk satu hiasan dinding. Gubahan hendaklah berdasarkan kepada buah-buahan atau sayur-sayuran tempatan.

Gubahan sekeping timbulan hendaklah mengikut spesifikasi berikut;

Panjang : 15cm
Lebar : 9 cm
Ketebalan : 2 cm

Hasil kerja hendaklah disepuh sepenuhnya, dibakar dan ditingkatkan.

Calon cemerlang memahami kehendak soalan dan memberikan interpretasi yang tepat. Calon berupaya menghasilkan rekaan tembikar sebagai hiasan dinding yang berkonsepkan kontemporari moden dari segi motif, warna dan teknik sepuhan. Calon cemerlang dapat menghasilkan tembikar yang berkualiti tinggi dan mempunyai nilai estetik yang tinggi. Manakala calon kumpulan rendah gagal memahami tugas dalam soalan dan hanya menghasilkan teknik kepingan tembikar biasa saja. Calon tidak dapat menggunakan pelbagai teknik sepuh. Calon tidak menghasilkan teknik timbulan secara 4 kepingan yang berasingan serta tidak kemas dan tidak lengkap. Calon tidak cukup membuat kajian mengenai buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan. Pada keseluruhannya, kesilapan umum yang calon hasilkan adalah tidak menguasai asas seni reka. Calon tidak menuliskan tajuk bahagian dalam folio. Calon tidak melabelkan/mengkuris maklumat calon pada tembikar. Teknik penghantaran bungkusan tembikar tidak kukuh dan mudah pecah. Ramai juga calon yang tidak membakar hasilan.

Soalan 4.

BATIK

Calon diminta menghasilkan sehelai apron yang sesuai dipakai oleh pekerja di sebuah restoran makanan laut. Corak apron tersebut hendaklah menggunakan teknik batik lukis bertemakan hidupan laut.

Reka bentuk apron tersebut hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang : 80cm
Lebar : 60cm

Hasil kerja hendaklah dijahit kemas.

Folio

Calon kumpulan cemerlang dapat menjawab kesemua bahagian dalam folio dan memahami dengan baik. Calon dapat melukiskan sekurang-nya satu motif hidupan laut. Calon juga dapat melukiskan alat bahan serta urutan proses membatik. Calon dapat menggunakan canting yang pelbagai saiz. Calon juga dapat mempelbagaikan teknik mengaplikasi isen-isen yang menarik. Bagi calon kumpulan rendah pula, calon tidak mewarnakan bahagian reka letak dan susunan corak. Kebanyakan calon tidak menuliskan tajuk. Dalam kajian reka corak hiasan pula tidak ramai calon dapat mempelbagaikan motif hidupan laut. Terdapat calon kumpulan cemerlang mereka corak 4 reka letak yang berbeza tetapi calon berprestasi rendah hanya melukiskan satu reka letak sahaja. Secara keseluruhan ramai calon dapat meniru semula hasilan 2D.

Artifak

Calon yang memilih tajuk ini kebanyakannya dapat menggunakan canting secara asas, manakala calon cemerlang dapat menggunakan canting yang pelbagai saiz. Calon masih tidak dapat menyesuaikan saiz canting dengan reka corak dan saiz kain. Calon juga dapat mempelbagaikan teknik mengaplikasi isen-isen yang menarik. Ada sebahagian calon dapat mencanting dengan teliti dan kemas serta menampakkan aliran lilin yang lancar. Dari segi teknik mewarna pula calon yang baik dapat mencampur, baur dan mewarna ton secara kreatif. Secara keseluruhan calon dapat menghasilkan batik dengan penggunaan warna asas dan contengan lilin yang mudah. Bagi calon kumpulan rendah pula, calon hanya dapat mencanting satu motif sahaja. Calon gagal membuat reka corak dan ulangan yang pelbagai. Ada juga calon yang tidak mengikut proses kemas. Kesilapan umum yang calon hasilkan adalah calon tidak menguasai kemahiran penggunaan canting. Calon juga meniru motif daripada calon lain dan kerap berlaku persamaan. Berlaku juga kesalahan proses mewarna dan merebus.

Soalan 5.

UKIRAN KAYU

Calon diminta menghasilkan ukiran bunga timbul bermotif flora untuk bahagian tepi pengalas cerek atau periuk panas.

Ukiran kayu hendaklah mengikut spesifikasi berikut;

Ukuran : 20cm (diameter)

Lebar ukiran : 8cm

Hasil karya hendaklah disyelek atau divarnis.

Folio

Calon cemerlang dapat memahami dan menjawab soalan ini dengan baik. Calon juga berjaya melengkapkan ke 8 bahagian dengan tersusun dan teratur serta ada menuliskan muka surat. Calon dapat melukiskan sumber ilham, olahan motif dengan mengaplikasi kesemua elemen asas seni reka dengan baik. Calon dapat mencari idea yang kreatif dengan menggabungkan teknik mewarna. Calon juga dapat membuat persembahan yang baik untuk memberi kesan tarikan. Calon kumpulan rendah pula, gagal melukiskan sumber ilham flora yang menarik. Calon gagal untuk mengolah motif secara kreatif. Terdapat calon yang melukis terlalu ringkas dan tiada penekanan kepada kualiti dan nilai seni. Calon gagal menyempurnakan ke 8 bahagian dan hanya menghantar 2 atau 3 helaian

sahaja dan gagal melukiskan sumber ilham flora yang menarik. Calon gagal menyempurnakan ke 8 bahagian dan hanya menghantar 2 atau 3 helaian sahaja.

Artifak

Calon cemerlang mengemukakan hasil yang bermutu dengan menitik berat penggunaan silat. Calon yang matang juga dapat mengukir dengan teliti motif flora yang berlapis. Ada juga calon yang mahir dalam penggunaan shelek untuk kemasan akhir. Calon juga dapat mengikut kehendak saiz ukiran. Kebanyakan calon dalam kumpulan rendah, lemah dalam asas teknik mengukir. Calon gagal menggunakan jenis kayu yang bermutu dan gagal membentuk silat secara tepat mengikut jenisnya. Ada calon yang gagal menyapu shelek dengan teknik yang betul dan gagal menyiapkan hasil kepada ukuran yang dikehendaki. Pada keseluruhannya, calon tidak menguasai kemahiran penggunaan alat ukiran. Calon tidak menampal label maklumat calon dengan kukuh untuk diperiksa. Calon juga tidak dapat mengukir motif ukiran.

Soalan 6.

PEMBUNGKUSAN

Calon diminta menghasilkan satu reka bentuk pembungkusan untuk telefon bimbit berjenama CERIA keluaran sebuah syarikat telekomunikasi. Pembungkusan tersebut hendaklah berkonsepkan mesra alam.

Hasil kerja hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang : 18cm,

Tinggi : 8 cm,

Lebar : 10cm,

Bahan : Bebas,

Warna : Bebas

Kapsion : CERIA – Idaman Selalu

Ilustrasi : Bersesuaian dengan teknologi telekomunikasi masa kini

Hasilan hendaklah dihantar dalam bentuk 3D. Bekas meletak telefon bimbit dalam pembungkusan tersebut hendaklah disertakan.

Folio

Calon dalam kumpulan cemerlang berupaya menghasilkan kesemua 8 bahagian dalam folio dengan baik dari segi kajian, sumber ilham, motif, olahan bentuk kotak, ilustrasi, logo, reka letak dan hasilan 3D. Calon berupaya mewarna “rendering” secara kreatif. Calon dapat mengawal kekotoran permukaan kertas. Manakala calon kumpulan rendah pula, gagal dalam memahami kehendak soalan. Calon juga gagal dalam mencari idea, motif, ilustrasi serta logo yang bersesuaian dengan tema. Kebanyakan calon meniru dan mengikut contoh lakaran guru sahaja. Tidak mengaplikasi asas seni reka ke dalam lakaran.

Artifak

Calon berjaya membina dan mencantumkan pembungkusan dengan kemas dan teliti. Calon juga dapat membuat ukuran dengan tepat dan terperinci. Kebanyakan calon menggunakan bahan berjenama mahal dan berkualiti. Calon kumpulan rendah pula, gagal dalam mengaplikasi teknik pembinaan yang teliti. Ada sebahagian besar calon tidak memahami fungsi pembungkusan. Calon terikat dengan penerokaan penggunaan bahan

lain. Secara keseluruhan calon tidak membuat proses kemasan terakhir. Pada keseluruhannya, kesilapan yang kerap dilakukan oleh calon adalah meniru dalam menghasilkan Seni Huruf dan tidak membuat kajian berkaitan soalan yang dipilih tetapi menyalin serta menekap sahaja. Calon tidak melekatkan label maklumat calon dengan kukuh. Teknik penghantaran artifak perlu dititikberatkan.

Soalan 7

ARCA

Calon dikehendaki menghasilkan sebuah model arca yang berfungsi bermotifkan abjad dan angka untuk taman permainan kanak-kanak, model arca hendaklah berdasarkan kajian warna, ruang dan pergerakan

Model arca tersebut hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang : 20cm
Tinggi : 20CM
Lebar : 20cm
Warna : bebas

Hasil karya hendaklah kukuh, stabil dan berfungsi,

Folio

Calon dapat menjawab dengan baik mengikut urutan. Calon juga menguasai teknik dan mengaplikasikan unsur seni reka terutama dalam membina lakaran dan mewarna 3D dengan warna kontra. Bahagian reka letak dan susunan menampilkan perspektif dalam semua gubahan calon. Calon dapat memahami soalan dan dapat mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan yang jelas dalam karya. Kebanyakan calon boleh menghasilkan lapan bukti kajian atau lebih dengan terperinci dari segi kemahiran melakar dan mewarna. Dalam rekaletak warna calon dapat menghasilkan rekaletak yang pelbagai corak. Selain itu, dalam item sumber ilham calon dapat menghasilkan kajian sumber ilham daripada pelbagai maklumat. Calon juga dapat mengikut urutan item dengan teliti. Penggunaan kertas yang bermutu juga dapat mempengaruhi kekemasan penghasilan. Calon tidak menghasilkan olahan motif secara tidak kreatif. Kebanyakan calon lemah dalam menghasilkan lakaran proses kerja secara kasar dan tidak menulis tulisan manuskrip di sebelah setiap lakaran.

Artifak

Calon cemerlang dapat membina dengan menggunakan bahan yang ditetapkan. Binaan calon kukuh dan stabil. Selain itu arca juga mempunyai nilai komersial. Calon juga dapat mempelbagaikan bahan campuran diantara bahan kayu, kertas tebal dan span. Setiap artifak juga mempunyai ukuran yang tepat. Calon cemerlang boleh menghasilkan karya yang stabil, kukuh dan berimbang contoh tajuk senireka landskap dan arca. Calon juga dapat menguasai teknik dengan baik. Dalam penghasilan cetakan pendaftaran tepat dalam gubahan calon. Selain itu, calon dapat menghasilkan imej yang jelas dengan penggunaan warna. Calon tidak dapat membina binaan dan struktur yang kukuh dalam hasil arca dan senireka landskap. Calon menggunakan bahan seperti manila kad, gabus putih dan span.

Soalan 8

SENI CETAKAN

Calon diminta menghasilkan cetak kayu. Cetakan tersebut hendaklah berdasarkan salah satu daripada tajuk di bawah

- (i) Bunga teratai di dalam kolam
 - (ii) Tanaman orkid di sudut halaman
- Cetakan itu hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Folio

Soalan ini tidak begitu popular. Namun demikian hasil kerja folio dapat mengikut urutan yang betul. Dalam catatan bukti kajian calon berjaya menghasilkan idea yang tinggi berdasarkan tema dan gubahan mengikut unsur seni terutama dalam gubahan dan kajian warna yang menunjukkan perspektif. Selain itu, calon dapat menghasilkan satu gambar koleksi yang menarik dari segi olahan warna dan gambaran keseluruhan.

Artifak

Calon dapat menjawab soalan dengan baik terutama dalam menggambarkan imej secara realis dan abstrak. Selain itu calon dapat menghasilkan pendaftaran yang tepat dalam kerja akhir bersesuaian dengan kerja lakaran dalam folio calon. Calon juga dapat menghasilkan teknik cetak dengan menggunakan strok gurisan yang berkesan. Calon juga dapat menghasilkan satu contoh reka corak dengan pelbagai kombinasi blok cetakan. Calon tidak menguasai tulisan manuskrip di setiap lakaran proses kerja. Calon juga kurang mahir dalam pengolahan warna dan menyusun atur objek secara keseluruhan gubahan. Terdapat calon yang menggunakan kertas dasar cetakan yang tidak mengikut kehendak seni cetak yang berkesan. Pembungkuan artifak yang kemas dan menarik. Terdapat juga calon menutup artifak dengan penutup plastik dan kaca.

Soalan 9

SENIREKA LANDSKAP

Calon dikehendaki menghasilkan satu model landskap bagi kawasan rehat di lebuh raya. Model tersebut mempunyai kolam berserta air terjun. Susun atur dan tatahias taman hendaklah harmoni.

Model hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

Panjang : 25 cm
Lebar : 25 cm
Tinggi ; Tidak lebih 20 cm

Semua objek hendaklah dibuat sendiri dengan menggunakan bahan yang sesuai. Binaan hendaklah kukuh dan stabil.

Folio

Sebahagian calon tidak dapat menghasilkan folio mengikut urutan sebagaimana arahan. Calon juga boleh menghasilkan lakaran beberapa contoh sumber idea dengan imej gubahan yang berdasarkan unsur seni. Calon tidak dapat menulis tulisan manuskrip dengan baik

pada setiap lakaran proses kerja folio. Selain itu calon tidak dapat menguasai hasil perspektif berwarna dari sudut yang berbeza berdasarkan model yang telah dihasilkan.

Artifak

Calon dapat memahami dan menjawab soalan mengikut arahan. Calon dapat mengaplikasikan unsur seni mengikut rupa, bentuk,imbangan yang terkawal. Calon juga boleh mengeksplorasi bahan, media dan hiasan terhadap artifak dengan kreativiti dan nilai estetika yang tinggi. Selain itu, calon boleh menggunakan organisasi rekaan yang baik dengan menggabung jalin teknik jalinan yang pelbagai seterusnya dapat menunjukkan kesan sebenar. Selain itu, calon tidak dapat menyusun atur rekaletak bahan, media dan hiasan yang lebih mesra alam.

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan dan membuat modul sebelum memulakan kerja untuk penghasilan sebenar.
2. Menguasai teknik penghasilan secara lakaran, pewarnaan dan teknik penghasilan.
3. Memahami arahan dengan jelas setiap pemilihan tajuk yang dipilih.
4. Mengumpulkan maklumat dari pelbagai sumber kraf.
5. Setiap calon hendaklah mengikut penjadualan kerja dengan tepat.
6. Mempunyai pengamatan dan peka terhadap perkembangan semasa kraf secara global.
7. Mempunyai peralatan yang mencukupi.
8. Calon melakukan penerokaan dengan kajian tentang kraf.
9. Meningkatkan penguasaan tulisan dan pen manuskrip.
10. Calon memilih tajuk yang diminati.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah menggunakan pendekatan Inkuiri penemuan dengan kaedah konstruktivisme supaya dapat menghasilkan folio dan artifak yang lebih sempurna.
2. Guru melakukan bimbingan secara individu dan taklimat secara berterusan dalam penghasilan kerja.
3. Guru sentiasa mendapat pendedahan secara terperinci terhadap tajuk yang akan dihasilkan oleh calon.
4. Guru bersama calon mengadakan lawatan sambil belajar ke bengkel atau studio yang berkaitan dengan kraf.

5. Persediaan jadual kerja pelaksanaan tugas secara betul.
6. Kaedah kumpulan perlu diwujudkan mengikut tajuk dan kebolehan calon.
7. Guru sentiasa meningkatkan pengetahuan dan menguasai teknik penghasilan karya mengikut tajuk yang dipilih.
8. Gunakan bahan pengajaran yang boleh menjana minda terutamanya penggunaan ABM dan contoh sebenar.
9. Menguasai format dan peraturan pemarkahan terkini.
10. Sentiasa merujuk kepada buku sumber kraf.
11. Menggunakan teknologi maklumat (internet) untuk merujuk sebagai bahan utama dalam pengajaran.
12. Memanfaatkan laporan prestasi calon daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia dan peperiksaan dalaman sekolah.
13. Bekerjasama untuk menjemput pandai tukang untuk melakukan demonstrasi supaya calon terdedah dengan teknik dan motif baru dapat diaplikasikan dalam karya,
14. Melengkapkan peralatan, media dan bahan untuk calon sebelum penghasilan karya dimulakan.